

**SOALAN NO. 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN HAJI NASRUDIN BIN  
HASSAN [ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 19 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [ Temerloh ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan langkah bagi meningkatkan kesedaran pengurusan  
kewangan anak muda bagi membendung masalah muflis.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengambil perhatian bahawa faktor utama masalah beban keberhutangan di kalangan anak muda adalah disebabkan perancangan kewangan yang lemah dan kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan kewangan yang berhemah.

Oleh yang demikian, bagi membendung masalah tersebut, Kerajaan melalui Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang insolvensi, antaranya program-program *outreach* yang bertujuan menyampaikan maklumat, memberikan pendidikan dan mewujudkan kesedaran di kalangan semua golongan termasuk anak muda. Pengisian program ini termasuklah taklimat kebankrapan bagi menerangkan kesan dan akibat kebankrapan.

Kerajaan juga melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) iaitu agensi di bawah Bank Negara Malaysia telah mengadakan program-program kesedaran tentang insolvensi terutamanya berkaitan perancangan kewangan kepada semua golongan supaya masalah pengurusan kewangan dapat diatasi di peringkat prakebankrapan lagi.

Selain itu, MdI turut membantu dalam aspek pentadbiran kes kebankrapan supaya bankrap boleh keluar daripada kebankrapan dengan cepat dan diberi peluang kedua. Pada masa kini, Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] telah

memperuntukkan empat (4) kaedah atau cara bagaimana seseorang bankrap untuk keluar dari kebankrapannya iaitu:

- (i) pelepasan oleh mahkamah di bawah seksyen 33 Akta 360;
- (ii) pelepasan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 33A Akta 360; dan
- (iii) pembatalan di bawah seksyen 105 Akta 360.

Kerajaan turut memperkenalkan peruntukan Mekanisme Penyelamat melalui Akta Insolvensi 1967 yang baru sahaja berkuat kuasa pada 6 Oktober 2017 yang mana sebelum perintah kebankrapan diberikan oleh mahkamah, penghutang diberi peluang menyusun semula hutang dengan kerjasama pihak pembiutang atau institusi kewangan berdasarkan kerangka perundangan insolvensi seperti penyusunan sukarela individu (*Individual Voluntary Arrangement – IVA*). Mekanisme Penyelamat bertaraf antarabangsa ini akan dikendalikan dengan bantuan AKPK dan *nominee* yang berdaftar dengan Ketua Pengarah Insolvensi.

Sekian, terima kasih.